

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)63

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

63. Nyatakan jumlah keseluruhan kawasan sawah padi pada ketika ini.
- (a) Berapa peratuskah dan keluasan sawah dalam kategori produktif, kurang produktif dan bermasalah serta perlukan intervensi pemulihan tanah?
 - (b) Berapakah keluasan kawasan sawah yang telah ditambun dengan kelulusan dan tanpa kelulusan pihak berkuasa sejak kali terakhir pemutihan tanah sawah dilaksanakan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

63. Jumlah keseluruhan kawasan sawah padi di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2025 adalah 11,858.08 hektar.
- (a) Sebahagian besar kawasan sawah di negeri ini tergolong dalam kategori sawah pabel aktif iaitu kawasan yang ditanam dengan padi pada setiap musim. Keluasan sawah dalam kategori ini adalah sebanyak 11,858.08 hektar bersamaan dengan 97.10% daripada jumlah keseluruhan kawasan sawah di negeri ini. Ini menunjukkan bahawa majoriti kawasan sawah

masih kekal produktif dan berfungsi sebagai penyumbang utama kepada pengeluaran padi negeri.

Sementara itu, sebanyak 182.85 hektar kawasan sawah dikenal pasti sebagai sawah pabel padi pelbagai iaitu kawasan sawah yang ditanam dengan tanaman kontan lain selain padi. Kategori ini boleh dianggap sebagai kurang produktif dalam konteks penanaman padi, namun masih menyumbang kepada sektor pertanian negeri secara keseluruhan. Kawasan ini berpotensi untuk dipulihkan dan dikembalikan kepada fungsi asal sebagai kawasan penanaman padi dengan intervensi bersesuaian.

Bagi kategori sawah pabel terbiar, ia merangkumi kawasan yang tidak ditanam sekurang-kurangnya tiga (3) tahun atau lima (5) musim berturut-turut. Keluasan kawasan ini adalah 171.07 hektar, iaitu sekitar 1.40% daripada jumlah keseluruhan sawah. Kategori ini memerlukan perhatian serius dan intervensi pemulihan tanah, termasuk kajian semula kesesuaian tanah, penyediaan infrastruktur sokongan, serta galakan kepada pemilik tanah untuk mengaktifkan semula penanaman padi.

(b) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab menjalankan penguatkuasaan bagi kerja-kerja tambun tanah

tanpa kebenaran seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 70A, Akta 133 (Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974).

Mengikut rekod **Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)**, senarai penguatkuasaan ke atas penambakan tanah sawah padi tanpa kelulusan MBPP mengikut keluasan adalah seperti yang berikut:

Tahun	Lokasi	Keluasan (meter persegi)
2017	Lot 411, Mukim H, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	4,971.75
2021	Lot 571, Mukim H, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	1,579.26
2024	Lot 10542, Mukim D, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	1,037.56
Jumlah Keluasan		7,588.57

Selain itu, Jawatankuasa Perancang Negeri Bilangan 8 Tahun 2022 yang telah bersidang pada 25 Ogos 2022 telah menolak permohonan perlingkungan semula dari pertanian kepada perniagaan seluas 176.62 ekar di atas Lot 247, Lot 248 (Lot Baru 10562), Mukim D, Lot 239 (Lot Baru 590), Lot 678 (Lot Lama 240), Lot 10069, Lot 10070, Lot 311, Mukim H, Lot 461 (Lot Baru 920), Lot 458, Lot 842 dan Lot 843, Mukim I, Pulau Betong, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang oleh Tetuan Cybron Development Sdn. Bhd. dengan alasan tapak pembangunan ini berada dalam kawasan

pertanian yang merupakan Kawasan Sensitif Alam sekitar (KSAS) dan perlu dikekalkan bagi mengurangkan konflik guna tanah dan jaminan sekuriti makanan kepada Kerajaan Negeri. Rayuan kedua juga telah ditolak oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bilangan 6 Tahun 2024 yang telah bersidang pada 10 Jun 2024 dan tapak dikekalkan untuk pertanian dan simpanan hutan.

Manakala bagi kawasan di bawah seliaan **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**, keluasan kawasan sawah yang telah ditambun dengan kelulusan adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Bagi keluasan kawasan sawah yang telah ditambun tanpa kelulusan di daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT) adalah seperti di **LAMPIRAN B** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan. Tiada kes di daerah Seberang Perai Selatan (SPS).